

Kanun Tanah Negara

Borang 9A
(Seksyen 137)

PERMOHONAN UNTUK PECAH-SEMPADAN TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,

yang beralamat di
tuan punya tanah yang berikut-

* Bandar/Pekan/Mukim No. Lot

Perihal dan No. Hakmilik Luas

dengan ini memohon kelulusan untuk pecah-sempadan tanah itu kepada

.....bahagian, sebagaimana

yang ditunjukkan dalam pelan yang dikepikan bersama ini mengenai pecah-sempadan yang
dicadangkan itu.

* Bagi maksud-maksud klarifikasi, maka saya kepikan juga suatu memorandum penjelasan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 137 Kanun Tanah Negara, maka sekarang saya
hantar—

(a) fee yang ditetapkan sebanyak RM

(b) pelan yang disebut di atas bersama dengan salinannya;

*(c) satu salinan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancang;

*(d) satu surat persetujuan daripada tiap-tiap seorang daripadaorang yang
berikut (iaitu orang-orang yang persetujuan mereka secara bertulis adalah dikehendaki
kerana sebab-sebab tertentu yang dinyatakan dalam tiap-tiap surat)†—

(1)

(2)

(3)

3. Saya dengan ini mengaku bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dikepil
bersama ini, suatu cara akses yang memuaskan ke tiap-tiap satu bahagian pecah-sempadan (selain
dari apa-apa bahagian dari mana ada akses terus ke sesuatu jalan, sungai, sebahagian tepi pantai
atau stesen keretapi, atau ke sesuatu tempat di dalam tanah itu dari mana sesuatu cara akses
berupaya didapati melalui permohonan untuk suatu hak lalulalang Pentadbir Tanah) akan
diperuntukkan—

* (i) dengan suatu jalan persendirian untuk mana suatu hakmilik yang berasingan
akan dikeluarkan;

*(ii) atas tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik kepada Pihak
Berkuasa Negeri;

*(iii) dengan suatu hak lalulalang yang akan diistiharkan oleh Pentadbir Tanah.

*4. Berkenaan dengan tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik mengikut subperenggan (ii) di atas, maka saya dengan ini mengaku akan membina suatu jalan menurut standard yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk digunakan hanya jika tanah itu disentuh oleh penetapan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 136(2) Kanun Tanah

Bertarikh padaharibulan20.....

.....
Tandatangan Tuanpunya

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

(A) Sewa bagi tahun ini telah dibayar.

Pentadbir Tanah

Untuk digunakan jika kelulusan perancangan tidak didapati terlebih dahulu.

(B) (1) Pecah-sempadan sebagaimana dalam pelan yang dikepilkan bersama diluluskan.
(2) Satu salinan pelan tersebut disimpan.

.....
Tandatangan

Pihak Berkuasa Perancang

(C) Pecah-sempadan diluluskan *tertakluk kepada perubahan-perubahan yang berikut—

.....
.....
.....

Bertarikh padaharibulan20.....

.....
Pengarah/Pentadbir Tanah

* Potong sebagaimana yang sesuai

† NOTA PENJELASAN —Persetujuan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—

- (i) pajakan kesemua tanah itu atau mana-mana bahagiannya selain dari suatu bahagian yang betul-betul bersamaan dengan satu daripada bahagian-bahagian pecah-sempadan yang dicadangkan itu;
- (ii) gadaian atas tanah itu, atau bagi pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);
- (iii) lien atas tanah itu, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i).